

23 MAR 1996

PM SAKSIKAN PERMULAAN PERBANDARAN PINTAR BUKIT MERAH

TAIPING, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan upacara menandatangani perjanjian tiga pihak yang akan membangunkan projek Bandar Tasik Bukit Merah berharga RM 1 Bilion menjadi suatu perbandaran pintar.

Perjanjian itu menandakan langkah pertama untuk menggabungkan perkhidmatan telekomunikasi moden ke Bukit Merah, iaitu perbandaran yang pertama seumpamanya di negara ini.

Perjanjian itu ditandatangani antara pemaju Segi Objektif (M) Sdn Bhd, sebuah anggota Emkay Group of Companies, Celluar Communication Network (M) Sdn Bhd dan Amnet (M) Sdn Bhd.

Celcom akan membekalkan infrastruktur seperti talian telekomunikasi dan gentian optik, manakala Amnet akan membekalkan peralatan elektronik. Emkay diwakili oleh pengerusinya Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar, Celcom oleh pengerusinya Hj Rosli Man dan Amnet oleh pengerusinya Datuk Haji Ahmad Razali Mohd Ali.

Bulan September lepas, ketiga-tiga syarikat itu telah mengadakan kajian kemungkinan yang akan dilaksanakan di projek tersebut, yang meliputi kawasan seluas 613 haktar, terletak di persimpangan bertingkat Lebuhraya Utara Selatan Bukit Merah.

Di antara kemudahan yang akan dilaksanakan ialah teknologi komunikasi suara dan visual dengan menggunakan gentian optik, teknologi tanpa wayar dan sistem automatik bangunan.

Perbandaran Bukit Merah, merupakan pembangunan bercampur-campur yang mengandungi bangunan komersil, rekreasi dan rumah kediaman dijangka akan disiapkan mengikut peringkat-peringkat tertentu.

Fasa pertama berharga RM170 juta mengandungi "Water Theme Park" berharga RM20 juta di atas kawasan seluas 4.4 haktar dan dijangka akan siap menjelang Oktober tahun ini. HK RIF